# Sinar Harian - GST Diramal Kekal 6 Peratus

Rabu, Sep 27 2017

# GST diramal kekal 6 peratus

SH 26/9.

Dari Media Cina
ONG BOON TECK



Cukai barang dan perkhidmatan (GST) dijangka kekal sebanyak enam peratus dalam Bajet 2018 yang akan dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, bulan hadapan.

Menurut pakar ekonomi, Datuk Chua Tia Guan, memandangkan PRU14 semakin dekat, sudah pasti kerajaan tidak ingin membebankan rakyat, sebaliknya kemungkinan akan membawa khabar gembira dengan menyediakan bajet yang bersifat mesra rakyat.

"Saya yakin dalam Bajet 2018 kerajaan tidak akan me-

ekonomi negara, kerajaan dijangka akan terus menambahkan jumlah peruntukan pada tahun hadapan.

"Dengan menambah peruntukan pembangunan ini, negara kita tidak mungkin akan mencapai bajet seimbang pada tahun 2020. Bajet defisit dijangka kekal pada tiga peratus," katanya yang turut dilantik sebagai Pengerusi Bersama Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (Pemudah) Jabatan Perdana Menteri.

Beliau berpendapat, masalah utama yang dihadapi kerajaan ketika ini jumlah kakitangan yang terlalu ramai sehingga menyebabkan kerajaan terpaksa membelanjakan sebahagian besar perbelanjaan ke atas bajet pengurusan.

"Pada bajet tahun ini, 82 pe-

akan datang.

Presiden MCA, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, beliau berjanji akan bertemu dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk membuat tuntutan itu dengan syarat, MCA mampu memenangi hati pengundi Cina dalam PRU14 serta memenangi lebih banyak kerusi parlimen.

"Saya harap pengundi Cina lebih-lebih lagi di kawasan bandar boleh menyokong wakil rakyat yang boleh memberikan pembangunan kepada mereka," kata Tiong Lai seperti yang disiarkan dalam ***Oriental Daily.***

Beliau berkata, sejak dulu lagi, kawasan parlimen di Kuala Lumpur adalah kawasan hitam oleh parti pemerintah.

"Keadaan seperti ini perlu diubah segera. Ini adalah ke-

Persekutuan Kuala Lumpur pada PRU akan datang.

Bagaimana pun, hasil analisis yang dibuat dalam ***China Press*** mendapati walaupun pembangkang mampu terus menguasai kerusi parlimen di kawasan ibu kota, namun pertikaian yang berlaku antara Pas dengan Harapan dijangka sedikit sebanyak akan menjejaskan majoriti undi yang bakal diraih oleh calon-calon Harapan.

Kawasan campuran seperti di Bandar Tun Razak, Batu, Wangsa Maju, Segambut malahan Lembah Pantai yang menjadi kawasan majoriti pengundi Melayu dijangka menjadi sasaran Umno untuk menggempur kawasan ini yang menjadi kubu kuat pembangkang selama ini.

Pada PRU lalu, daripada 11 kerusi parlimen yang diper-

2018, kerajaan tidak akan menaikkan GST malahan kemungkinan akan menambahkan jumlah Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M).

"Golongan pertengahan diramalkan akan menjadi golongan yang paling banyak mendapat faedah daripada bajet kali ini. Saya percaya cukai pendapatan terhadap golongan pertengahan akan dikurangkan manakala golongan mewah akan terus dikenakan cukai yang tinggi," kata Tia Guan kepada *Nanyang Siang Pau*.

Beliau yang juga Ketua Khidmat Rundingan Cukai dan Kewangan Great Vision Advisory Group memberitahu, demi mengembangkan pertumbuhan

Pada bajet tahun ini, 62 peratus daripadanya diperuntukkan bagi tujuan perbelanjaan pengurusan dan selebihnya untuk pembangunan. Daripada sejumlah perbelanjaan pengurusan ini, dua pertiganya telah digunakan untuk pembayaran gaji dan pencen kakitangan awam. Inilah masalah yang perlu dipandang serius oleh kerajaan," katanya.

### *MCA sedia tuntut lebih banyak jawatan*

MCA sedia menuntut lebih banyak jawatan seperti timbalan menteri dan ahli majlis perbandaran sekiranya mampu memenangi lebih banyak kerusi parlimen pada PRU

diubah segera. Ini adalah kerana sekiranya pembangkang semakin kuat dalam kawasan mereka, maka peluang untuk projek pembangunan akan makin berkurangan," katanya.

Menurut Tiong Lai, selepas mengalami kekalahan dalam dua kali PRU yang lalu, MCA telah melakukan kajian dan perubahan yang besar dengan berjanji akan terus bekerja dengan lebih gigih untuk kepentingan kaum Cina.

### *Bakal menang mudah di Wilayah Persekutuan*

Pakatan Harapan dijangka tidak akan menghadapi laluan sukar untuk terus menguasai kerusi parlimen di Wilayah

tandingkan, pembangkang berjaya memenangi sembilan kerusi, masing-masing di Kepong, Cheras, Seputeh, Bukit Bintang, Segambut, Batu, Wangsa Maju, Lembah Pantai, Bandar Tun Razak. Manakala BN pula hanya memenangi dua kerusi iaitu di Setiawangsa dan Titiwangsa.

Seperti dalam beberapa kali PRU yang diadakan sebelum ini, isu nasional terus menjadi tumpuan warga kota. Isu seperti kes 1MDB, rasuah, GST, kenaikan kos hidup, jenayah dan sebagainya dijangka terus menjadi senjata utama oleh pembangkang untuk menyerang BN pada PRU akan datang.




Undian

BISNES | AGENSI | WARGA

## Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro

e-Penyertaan & Maklumbalas

## Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

03-8000 8000
03-88823893 / 03-88823894
pro[at]treasury[dot]gov[dot]my



**© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**
Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.
Kemaskini terakhir: 12 Februari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216